



KENYATAAN MEDIA

KEUNIKAN ISUN – ISUN MENCURI PERHATIAN WARGA KOTA

KUALA LUMPUR : Festival Seni Hidup @ *Living Arts Culture Festival 2018* telah dilaksanakan pada 9, 10 & 11 November 2018. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari ini menghimpunkan 14 penyertaan dalam negara dan empat (4) penyertaan antarabangsa iaitu Indonesia, Vietnam, Cambodia dan Australia. Sebanyak empat (4) kesenian yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UNESCO) telah dipersembahkan kepada khalayak iaitu Makyong (Malaysia), Tari Saman (Indonesia), Nyanyian Ca Tru (Vietnam), Tari Klasik Khmer (Cambodia). Selain itu turut diangkat warisan kebangsaan dan kesenian yang memerlukan perhatian dan kurang ditonjolkan kepada masyarakat.

Penganjuran Festival Seni Hidup @ *Living Arts Culture Festival 2018* bertujuan untuk mengangkat dan memartabatkan keunikan warisan seni budaya. Secara tidak langsung menyemarak, serta menjadi pencetus kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan yang berterusan. Festival yang julung – julung kali dianjurkan ini mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri, ianya meliputi seni persembahan teater, tari dan muzik sebagai warisan tidak ketara.

Festival yang berlangsung tiga (3) hari ini, turut melibatkan penyertaan Masruh bin Siadik yang merupakan penggiat seni Isun – Isun di Sabah. Merupakan juara edisi pertama Pertandingan Muzik Tradisional Negeri Sabah sempena Rhythm of Kinabalu @ Ranau 2017, beliau juga dikenali sebagai Tok Isun – Isun dan masih aktif dalam memastikan Muzik Tradisional Isun – Isun terus mekar.

Isun-isun merupakan sebuah kesenian berpantun yang diiringi dengan muzik biola. Kesenian isun-isun biasanya diamalkan oleh masyarakat etnik Iranun dan Bajau di Kota Belud. Lazimnya, isun-isun diadakan dalam pelbagai jenis majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, majlis menyambut kelahiran, majlis menunaikan nazar dan sebagainya. Ia diadakan selepas solat Isyak hingga solat Subuh, kadang-kala juga dilanjutkan sehingga matahari terbit. Tok isun-isun akan duduk berpantun sambil menggesek biolanya. Manakala pantun yang dialunkan pula mempunyai pelbagai topik termasuklah episod percintaan, merajuk, memujuk, meminang, berkahwin dan sebagainya. Kesemuanya mengikut susunan alur cerita yang ditentukan oleh tok isun-isun itu sendiri.

Selain Masruh, festival yang berlangsung selama tiga (3) hari ini turut mengetengahkan 14 penyertaan dalam negara dan empat (4) penyertaan luar negara seperti berikut;

BIL	BUTIRAN PESERTA	PENGISIAN	NEGARA
1.	Otto Jungarrayi Sims	Demonstrasi dan Pameran Lukisan Dot	Australia
2.	Cambodia Artist Troupe	Khmer Classical Dance (Royal Ballet of Cambodia)	Cambodia
3.	Sanggar Inen Manyak Teri	Tarian Saman	Indonesia
4.	Ca Trù Than Long	Ca Tru Singing	Vietnam
5.	Zamzuriah Zahari & Kumpulan Kesenian JKKN	Mak Yong	Malaysia
6.	Masruh Siadek @ Pak Isun – Isun	Isun – Isun	Malaysia

7.	Romli Bin Mahmud	Awang Batil	Malaysia
8.	Wau Ensemble	Ensemble Muzik Tradisional Cina	Malaysia
9.	Dhol Federation	Dhol	Malaysia
10.	Kumpulan Mah Meri Pulau Carey	Mayin Jo'oh & Demonstrasi Pembuatan Topeng Mah Meri dan seni anyaman	Malaysia
11.	Artis Tari Istana Budaya	Joget Gamelan	Malaysia
12.	Akademi Arjunasukma	Wayang Kulit & Dikir Barat	Malaysia
13.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang Ibu Pejabat	Tari Inai	Malaysia
14.	Kumpulan Kesenian JKKN (Muzik)	Seleksi Muzik Melayu Asli & Dondang Sayang	Malaysia
15.	Pat Ibrahim Project Entertainment	Bangsawan Dendam Laksamana	Malaysia
16.	Shaq Koyok	Pameran Lukisan	Malaysia
17.	Che Mat Jusoh	Tarik Selampit	Malaysia
18.	Universiti Malaya	Jikey	Malaysia

Diharap program ini dapat menarik perhatian generasi muda untuk bersama-sama dalam usaha memajukan lagi aspirasi bagi menjadikan seni ini dapat diakses semua orang serta terus dikekalkan dan disemarakkan dalam meneruskan kelangsungan seni budaya dekad ini khususnya seni Isun – Isun.

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sabah